

Newspaper	Utusan Melayu
Date	16/08/2017D

Kekecohan dilakukan ahli PPBM sendiri

SHAH ALAM 15 Ogos - Exco Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Mohamad Taufik Abas menjelaskan kekecohan yang berlaku dalam Forum *Nothing To Hide 2.0* tiada sebarang kaitan dengan UMNO.

Sebaliknya, Mohamad Taufik yang menjadi tumpuan kerana bertanyakan soalan mengenai tragedi Memali berkata, insiden itu berlaku disebabkan sikap pengikut PPBM itu sendiri yang tidak berpuas hati dengan soalan yang ditanyakan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, dia terpanggil untuk bertanyakan soalan berhubung peristiwa berdarah Memali, yang mana ketika itu, Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri bagi mendapatkan

penjelasan daripada mulutnya sendiri mengapa tragedi tersebut dibenarkan berlaku.

"Bagaimanapun, moderator seakan-akan hendak menghalang saya bertanya dan jawapan yang diberikan Dr. Mahathir juga sebenarnya langsung tidak menjawab soalan.

"Kerusi yang dibaling juga sebenarnya tidak menyasarkan Dr. Mahathir tetapi dituju kepada saya. Malah, kerusi kedua juga dibaling dari arah bilik urus

setia. Urus setia itu siapa kalau bukan ahli PPBM.

"Oleh itu, tidak timbul isu ahli UMNO yang membaling kerusi, sebaliknya ahli PPBM sendiri yang menyasarkan kerusi tersebut kepada saya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



MOHAMAD TAUFIK

lum-16/8/2017 Pg.13